

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	07 DECEMBER 2016

NGO bidas tindakan Mahathir perkecil Najib

KUALA LUMPUR 6 Dis. - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Jalur Tiga Malaysia (Jati) membidas tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang memperkecilkan kehadiran Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Himpunan Solidariti Ummah Untuk Rohingya baru-baru ini.

Presiden Jati, Prof. Datuk Dr. Mohd. Zainul Fithri Othman berkata, tindakan Perdana Menteri yang hadir ke himpunan itu sebenarnya memberi perangsang kepada peserta yang menyokong dan menyertainya.

Katanya, pihaknya turut mem-

persoalkan sikap bermuka-muka beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Majlis Peguam dan Suara Rakyat Malaysia (Suaram) yang sering 'bising' tentang hak asasi manusia di Malaysia tetapi mendiamkan diri dalam hal pembunuhan kejam di Myanmar.

"Kita hendak bertanya, adakah mereka memandang remeh dan tidak perlu memberi perhatian



**MOHD. ZAINUL
FITHRI OTHMAN**

berkenaan pembunuhan beramai-ramai dan membakar kanak-kanak terhadap etnik Rohingya?

"Selain itu, kesediaan pemimpin dua parti besar Melayu Islam daripada UMNO dan Pas yang hadir diharap berterusan terutama dalam memastikan kepentingan

umat negara ini tetap terjaga dan terbela," katanya dalam satu kenyataan hari ini.